

Newspaper

Berita Harian

Date

27 January 2016



Najib disambut Yong ketika hadir memberi penghormatan terakhir kepada mendiang Amy di kediamannya di ibu negara, semalam.

BH- 27/12/2015 (FOTO BERNAMA)

Waspada sebar berita di media sosial: PM

» Laporan tak sahah cetus ketakutan rakyat, jejas imej negara

► Kuala Lumpur

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mahu rakyat negara ini lebih berhati-hati dalam menyebarkan sebarang berita, terutama yang diterima melalui media sosial dan aplikasi mesej.

Beliau berkata, berita tidak sahah yang disebarkan akan mewujudkan suasana tidak tenteram atau *a climate of fear* dalam kalangan rakyat dan merosakkan reputasi negara di mata dunia, malah implikasinya amat besar, terutama kepada ekonomi negara.

"Baru-baru ini saya lihat ramai menyebarkan berita mengenai kejadian letupan bom di Petaling Jaya yang kini kita semua tahu bukanlah apa yang sebenarnya berlaku.

"Perkara seperti ini boleh dijadikan iktibar kepada semua untuk lebih berhati-hati dalam menyebarkan sebarang

berita, terutama yang diterima melalui media sosial dan aplikasi mesej," katanya dalam catatan menerusi blog beliau, NajibRazak.com.

Sebar fitnah

Katanya, adalah tanggungjawab semua memastikan sebarang berita diterima adalah sahah dan tepat kerana dari segi hubungan sesama rakyat Malaysia, berita tidak sahah yang disebarkan akan membawa kepada fitnah yang boleh membawa perpecahan serta mengganggu-gugat keharmonian yang dibina bertahun lamanya.

"Hari ini, dengan adanya teknologi di tangan, amat mudah untuk sesiapa sahaja sebar maklumat, tetapi malangnya ramai yang tidak ambil peduli kesahihan maklumat atau berita diterima dan terus menyebarkannya.

"Marilah kita lebih bertanggungjawab dalam menggunakan teknologi yang ada dan insya-Allah, Malaysia akan kekal harmoni dan dalam peliharaan Allah SWT," katanya.

Dalam kejadian 21 Disember lalu, enam kereta terbakar akibat perbuatan seorang lelaki membaling botol berisi petrol yang dinyalakan api ke arah tempat duduk belakang sebuah daripada kenderaan itu, bukan disebabkan letupan bom seperti tersebar di media sosial.

Ucap takziah

Sementara itu, Perdana Menteri menerusi laman Twitter-nya semalam, mengucapkan takziah kepada keluarga bekas Pengurus Besar BERNAMA, Datuk Yong Soo Heong atas pemergian isterinya, Datin Amy Bok Soon Boey yang meninggal dunia, Rabu lalu.

"Takziah saya kepada anda dan keluarga @yongsooheong atas kehilangan isteri tercinta. Simpati dan doa saya bersama anda," katanya yang turut meluahkan masa melawat keluarga mendiang dan memberi penghormatan terakhir.

Amy, 67, meninggal dunia di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) di Petaling Jaya selepas menderita sakit. Selain Yong, 61, mendiang meninggalkan seorang anak lelaki, Tun Li, 28.

Sesi penghormatan terakhir untuk mendiang diadakan di kediaman Yong di Wangsa Maju, di sini sebelum perarakan untuk upacara pengebumian dijadualkan berlepas pada jam 9 pagi ini ke Pusat Memorial Nirvana di Seksyen 21 Shah Alam untuk pembakaran mayat. **BERNAMA**